



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **24 Sep 2020 (Khamis)**

#### **Utusan Malaysia**

Penduduk hidu bau busuk setiap hari 1

#### **Harian Metro**

Kedai makan tanpa lesen sedia karaoke diambil tindakan 2

#### **Kosmo**

Lima tahun hidu asap 3

Baucar pelancongan melalui e-Dompet mulai 1 Oktober ini 4

#### **Sinar Harian**

Buruk baik aktiviti konvoi motosikal 5

Penduduk bimbang kejadian berulang 6

Terpaksa hidu bau busuk 7

Tempoh pengosongan PKM DUN Gombak setia dilanjut 8

'Rasul Melayu tiada di Johor 9

#### **The Star**

DISCOUNT OFFERS 10

MBSA ON WHEELS 11

New system for PJ high-rises 12

PREMISES REOPENING 13

Klang folk welcome free bulk waste collection 14

Klang lorong tingkat to be one-way street 15

Selangor task force to address worsening baby-dumping issue 16

S'gor traders in limbo over workers 17

Factories near rivers must go 18

#### **The Sun**

Wet market traders want foreign worker ban lifted 19

#### **The Malaysian Reserve**

Tuan Ibrahim: None of PAS MPs supporting Anwar 20



## KERATAN AKHBAR 24 September 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Penduduk hidu bau busuk setiap hari
Muka Surat	:	8



LOKASI yang menjadi tempat pembuangan sampah haram di Jeram, Kuala Selangor dan mengganggu penduduk yang terpaksa menghidu bau busuk setiap hari. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

# Penduduk hidu bau busuk setiap hari

**KUALA SELANGOR:** Sebuah tapak pembuangan sampah haram di kawasan Kampung Seri Sentosa, Ijok dekat sini seolah-olah kebal apabila terus beroperasi walaupun pernah dikenakan tindakan.

Kewujudan tapak tersebut sejak lima tahun lalu mengganggu penduduk yang menghidu bau busuk sampah dan asap setiap kali berlaku pembakaran terbuka.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati setiap hari ada lori memasuki tapak pembuangan berkeluasan empat hektar untuk membuang sampah yang tidak

diketahui isi kandungan.

Seorang penduduk, Hairul Razid Mohamad Seri, 36, berkata, masalah itu sudah beberapa kali diajukan kepada pihak berkuasa namun tidak selesai.

"Pembuangan sampah terutama dibawa lori ke kawasan ini dapat dilihat hampir setiap hari tanpa mengira waktu.

"Selain asap, bau busuk sampah itu juga menyebabkan rumah saya didatangi lalat," katanya di sini semalam.

Katanya, sisa sampah dari tapak tersebut juga adakalanya hanyut ke kawasan kediaman penduduk jika berlaku banjir

kilat.

"Perkara ini dikhuatiri akan mengalir ke Sungai Buloh yang berada berdekatan kawasan tersebut," katanya.

Dalam pada itu, Mohamad Wagiman, 71, meminta pihak berwajib serius menangani pencemaran yang memberi kesan kepada penduduk.

"Masalah tersebut sudah lama dan perlu segera diatasi kerana sampah yang dibuang juga tidak diketahui kandungannya.

"Saya cuma bimbang sekiranya ia mengandungi bahan kimia," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeram, Shaid Rosli yang meninjau lokasi tersebut berkata, beliau telah membuat aduan berhubung masalah itu namun ia masih beroperasi.

"Selain Kampung Seri Sentosa, kawasan itu terletak berhampiran Bandar Seri Coalfields, Desa Coalfields dan Kampung Seri Aman.

"Saya meminta terutama Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) segera mengambil tindakan terhadap individu yang mengendalikannya tapak pembuangan sampah haram tersebut," katanya.



**KERATAN AKHBAR**  
**24 September 2020**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Kedai makan tanpa lesen sedia karaoke diambil tindakan
Muka Surat	:	10

# ***Kedai makan tanpa lesen sedia karaoke diambil tindakan***

**Petaling Jaya:** Bukan hanya menjalankan perniagaan di kaki lima, malah kedai makan yang terletak di PJS8 di sini, turut menyediakan aktiviti karaoke secara haram untuk menarik pelanggan.

Tindakan tidak bertanggungjawab pengusaha kedai makan yang beroperasi tanpa lesen sejak dua tahun itu, bagaimanapun diambil tindakan pihak berkuasa jam 10.30 malam semalam.

Serbuan hasil maklumat awam itu dilakukan sepasukan polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Pejabat Tanah Daerah (PTD).

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya Asisten Komisyoner Nik Ezanee Mohd Faisal berkata, dalam operasi bersepadu itu pihaknya mena-

han pemilik premis iaitu lelaki berusia 47 tahun dan sembilan warga asing berusia antara 20 dan 47 tahun.

“Semua warga asing itu membabitkan seorang lelaki warga Algeria, enam lelaki warga Indonesia dan dua wanita Indonesia yang disyaki peniaga serta pekerja di kedai makan berkenaan. Kami turut merampas set sistem audio yang digunakan untuk hiburan itu.

“Polis juga menahan tujuh warga Indonesia yang bertindak sebagai pelanggan kerana tidak mempunyai dokumen perjalanan sah selain mengeluarkan 21 kompaun kepada pelanggan atas kesalahan ingkar Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dengan tiada penjarakan fizikal,” katanya.



**KERATAN AKHBAR**  
**24 September 2020**

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Lima tahun hidu asap
Muka Surat	:	8

**TAPAK pembuangan sampah yang didakwa mengganggu keselesaan penduduk di Kampung Seri Sentosa, Ijok, Kuala Selangor.**



## Hidup penduduk Kampung Seri Sentosa terganggu

# Lima tahun hidu asap

Oleh **ISKANDAR SHAH MOHAMED**

**KUALA SELANGOR** – Penduduk Kampung Seri Sentosa, Ijok di sini bimbang dengan kewujudan sebuah tapak pembuangan sampah di kawasan itu yang didakwa mengganggu keselesaan mereka sejak lima tahun lalu.

Mereka mendakwa, biarpun telah diambil tindakan oleh pihak berkuasa, tempat tersebut masih beroperasi sehingga mengeluarkan bau busuk dan asap akibat aktiviti pembakaran sampah secara terbuka.

Seorang penduduk, Hairul Razid Mohamad Seri, 36, berkata, permasalahan itu telah kerap diajukan kepada pihak berwajib, namun masih berlarutan sehingga kini.

“Pembuangan sampah teruta-

ma oleh lori di kawasan itu dapat dilihat hampir setiap hari.

“Selain asap, bau busuk sampah itu menyebabkan rumah saya kadangkala turut dimasuki banyak lalat,” katanya ketika ditemui pemberita di sini semalam.

Ujarnya, sisa sampah dari tapak pembuangan itu juga akan hanyut di kawasan kediaman penduduk jika banjir kilat.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati, beberapa lori memasuki tapak pembuangan berkeluasan empat hektar itu dipercayai untuk membuang sampah.

Seorang warga emas, Mohamad Wagiman, 71, meminta pihak berwajib memandang serius perkara tersebut kerana ia melibatkan pencemaran dan kesihatan penduduk setempat.

“Masalah itu berlarutan sejak

sekitan lama dan perlu segera diatasi kerana sampah yang dibuang tidak diketahui kandungannya,” katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeram, Shaid Rosli berkata, beliau juga telah membuat aduan berhubung masalah itu, namun masih berlarutan.

“Selain Kampung Seri Sentosa, kawasan itu terletak berhampiran Bandar Seri Coalfields, Desa Coalfields dan Kampung Seri Aman.

“Saya meminta pihak berwajib terutama Majlis Daerah Kuala Selangor segera mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang bertanggungjawab mengendalikannya tapak pembuangan sampah tersebut agar kehidupan penduduk lebih selesa,” katanya.



**KERATAN AKHBAR**  
**24 September 2020**

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Baucar pelancongan melalui e-Dompet mulai 1 Oktober ini
Muka Surat	:	18

## **Baucar pelancongan melalui e-Dompet mulai 1 Oktober ini**

**KUALA TERENGGANU** – Sebanyak 10,000 baucar subsidi pelancongan Selangor boleh didapati menerusi platform perkhidmatan e-Dompet terpilih mulai 1 Oktober ini.

Pengarah Besar Tourism Selangor, Azrul Shah Mohamad berkata, baucar yang bernilai RM200 setiap satu tersebut boleh ditebus untuk kegunaan di hotel dan inap desa berlesen serta taman tema di seluruh negeri Selangor.

“Pemberian baucar berkenaan yang bernilai keseluruhan RM2 juta itu diluluskan kerajaan negeri Selangor baru-baru ini untuk merencanakan semula industri pelancongan yang telah terjejas akibat pandemik Covid-19.

“Ia boleh didapati di platform perkhidmatan e-Dompet terpilih selepas majlis perasmian kempen ‘Pusing Selangor Dulu’ pada 1 Oktober depan,” katanya ketika ditemui pemberita selepas program Jelajah Persona Selangor ke Terengganu di sini semalam.

Azrul Shah memberitahu, Tourism Selangor berharap baucar subsidi tersebut dapat membantu sasaran kedatangan kira-kira enam juta pelan-

cong ke negeri tersebut pada tahun ini.

Menurut beliau, setakat ini 70 peratus atau 4.2 juta daripada sasaran kedatangan pelancong telah berjaya dicapai.

“Tourism Selangor sedang giat mempromosikan segmen eko pelancongan seperti Sky Mirror (Cermin Langit) di Kuala Selangor dan aktiviti rekreasi alam semula jadi yang ditawarkan di daerah Hulu Selangor, Ampang Jaya, Kuala Selangor dan Sepang.

“Selain itu, segmen pelancongan urban yang sudah sedia kukuh seperti taman tema, Sunway Lagoon dan pusat belf-belah, Sunway Pyramid tetap ditonjolkan,” katanya.

Ujarnya, selepas berkunjung ke Terengganu sebagai lokasi sulung, program Jelajah Persona Selangor akan berkunjung pula ke Pulau Pinang untuk mempromosi lokasi-lokasi pelancongan menarik yang terdapat di negeri berkenaan.

“Tourism Selangor juga telah memasang papan iklan di lima kawasan strategik di seluruh negara sebagai inisiatif untuk menarik minat lebih ramai pelancong domestik datang ke negeri itu,” katanya.



**KERATAN AKHBAR**  
**24 September 2020**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Buruk baik aktiviti konvoi motosikal
Muka Surat	:	16

# Buruk baik aktiviti konvoi motosikal



TULIS NAMA  
 ATAS BATU

AZMI TARMIZI

**P**ada minggu ini, saya ingin menarik perhatian pembaca tentang sikap penunggang motosikal yang berkonvoi di lebuh raya. Kebetulan minggu lalu saya bertembung dua kemalangan membabitkan motosikal yang berkonvoi beramai-ramai sempena menyambut Hari Malaysia.

Dua nahas yang berlaku di depan mata itu berpunca daripada sikap mereka sendiri yang tidak mengikut peraturan jalan raya.

Akibat menunggang secara rapat dan memotong tanpa tujuan, ada yang terjatuh menyebabkan mereka tidak sempat mengelak atau memberhentikan motosikal.

Baru-baru ini, seorang rakan, Tok Meor merungut di Facebooknya. Katanya, kalau tak mendatangkan kebaikan yang nyata, elok haramkan sahaja aktiviti konvoi motosikal.

Alasan Tok Meor, bila sudah ramai, mereka menggila sehingga merisaukan keluarga di rumah.

"Ada yang menunggang motosikal pakai selipar. Bila berkonvoi, mereka jadi maharaja di lebuh raya. Kesemua lorong mereka sapu, berlagak macam mereka pun pembayar tol. Yang jadi marshall tu pulak boleh suruh kita ke tepi," katanya.

"Semalam di Lebuh Raya Utara-Selatan dekat Rawang, saya tengok dia orang meniarap atas motor sambil berlumba beramai-ramai. Menakutkanlah. Bayangkan kalau mereka terjatuh," komen seorang rakan pada

status Tok Meor tersebut.

Dari sudut lain, berkonvoi sebenarnya aktiviti yang sihat kerana selain mengisi masa lapang, boleh mengeratkan hubungan silaturahim.

Paling seronok dapat pergi tempat-tempat menarik atau lokasi makan-makan dengan rakan-rakan yang 'sekepala'.

Aktiviti bermotor sebenarnya boleh membantu mempopularkan tempat-tempat makan. Asal ada grup motor yang tular gambar mengenai tempat makan yang mereka kunjungi di media sosial, sudah tentu restoran itu akan popular.

Kalau nak kenal restoran itu tumpuan kaki motor atau tidak, lihat sahaja papan tanda yang disediakan untuk melekatkan sticker.

Contohnya, Mee Udang Lembah Beringin di Hulu Selangor; Nasi Bamboo Sungai Klah di Sungkai, Perak; Kopi Manshor di Paroi, Seremban atau Lemang To'ki di Bentong, Pahang.

Setiap hujung minggu pasti tempat-tempat itu penuh dengan mat motor yang datang dari seluruh pelosok negara untuk menjamu selera.

Sebenarnya banyak lagi tempat menarik yang menjadi tumpuan kaki motor seperti Sate Tulang Senawang di Seremban, Negeri Sembilan; Kari Kambing 40 Hari di Yong Peng, Johor; Ikan Bakar Parameswara dan Asam Pedas Laksamana di Melaka.

Hakikatnya, banyak aktiviti berfaedah dapat dilakukan dengan jentera dua roda itu, bukan setakat merepmit di lebuh raya.

\*\*\*

Apabila artikel mengenai Bukit Fraser disiarkan dalam ruangan ini minggu lalu, saya dihubungi sahabat sejak di bangku sekolah, Dr Mohd

Azhar Mohamed Ali yang kini menjadi Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS).

Katanya, dia ingin membetulkan sedikit info dalam artikel itu. Menurut Mohd Azhar, Bukit Fraser bukan sepenuhnya di bawah pentadbiran Pahang.

Katanya, ramai yang tidak tahu fakta itu, sebab Bukit Fraser terlalu sinonim dengan Pahang berbanding Selangor.

"Sebahagian daripada pentadbiran Bukit Fraser di bawah pentadbiran MDHS. Laluan basikal yang popular bermula dari Sungai Chiling ke rumah Gap berada di bawah Selangor. Maklumat yang tepat sekurang-kurangnya membantu Selangor dalam mempromosikan pelancongan negeri ini," jelasnya.

Begitu juga Genting Highlands, katanya, ramai yang menyangka pentadbiran bukit peranginan itu sepenuhnya di bawah kerajaan Pahang.

"Sebenarnya, sebahagian di bawah MDHS iaitu sempadan Ria Apartment dan Maxxim Hotel, cuma banyak pembangunan di bawah Pahang. Ralat juga sebab semua orang ingat Pahang, sedangkan sebahagian memang di bawah pentadbiran MDHS," katanya.

Sebagai pegawai yang bertanggungjawab dalam pentadbiran MDHS, sudah tentu beliau mempunyai banyak maklumat terperinci mengenai kawasan pentadbirannya, sedangkan saya mengakui memperoleh maklumat tersebut hanya daripada internet.

Maklumat itu entah sah, entah tidak.

\* Azmi Tarmizi ialah Pengarang Eksekutif (Cetak) Editorial Sinar Harian



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>24 September 2020</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Penduduk bimbang kejadian berulang
Muka Surat	:	23



Kereta Noor Hayati terangkat akibat terkena akar pokok tumbang akibat ribut di Desa Pinggiran Putra, Sepang kelmarin.



MPS sedang melaksanakan kerja-kerja pembersihan dengan mengalihkan pokok tumbang di kawasan Desa Pinggiran Putra, Sepang sejak 5 petang kelmarin.

### Penduduk bimbang kejadian berulang

**SEPANG** - Penduduk di sekitar Desa Pinggiran Putra di sini bimbang sekiranya kejadian pokok tumbang akibat angin kuat yang menghempap rumah dan kenderaan milik mereka kelmarin berulang.

Salah seorang penduduk, Mohd Pauzi Mohamad berkata, ia berikutan fasa peralihan monsun yang dijangka bermula hari ini sehingga November depan.

Menurutnya, bagi mengelakkan insiden berkenaan berlaku, Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) perlu lebih kerap memotong dahan pokok yang sudah berusia.

"MPSepang ada buat (potong dahan pokok) tetapi jarang- jarang sekali," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di rumahnya di Desa Pinggiran Putra di sini semalam.

Menceritakan kejadian kelmarin, isteri Mohd Pauzi, Noor Hayati Suib yang juga seorang penjawat awam berkata, beliau mengetahui insiden



NOOR HAYATI

berlaku sekitar jam 4.40 petang selepas menerima panggilan daripada jiran memaklumkan kereta yang diparkir di hadapan rumah terangkat akibat terkena akar pokok yang tumbang.

"Hari ini (semalam) saya mengam- bil cuti untuk melihat sendiri kereta dan motosikal terlibat dialihkan oleh MPSepang sebelum dihantar ke bengkel," katanya.

Sementara itu, tinjauan *Sinar Harian* di lokasi mendapati MPSepang sedang giat melakukan kerja-kerja pembersihan dengan mengalihkan pokok tumbang di kawasan tersebut sejak 5 petang kelmarin.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) dalam kenyataannya berkata, hujan lebat, petir dan angin kencang lazimnya berlaku dalam masa singkat pada fasa peralihan monsun.

Keadaan itu boleh mengakibatkan banjir kilat serta kerosakan struktur tidak kukuh.



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>24 September 2020</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Terpaksa hidu bau busuk
Muka Surat	:	23

## Terpaksa hidu bau busuk

Kira-kira 10,000 penduduk terkesan akibat sampah haram

Oleh **MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR**

**KUALA SELANGOR**

**K**ira-kira 10,000 penduduk di empat kawasan terpaksa menghidu bau busuk akibat tindakan pihak tidak bertanggungjawab melakukan pembuangan sampah secara haram di Kampung Seri Aman dan Kampung Seri Sentosa sejak lebih tiga tahun lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeram, Mohd Shaid Rosli berkata, bukan sahaja bau busuk, kewujudan kawasan pelupusan sampah haram itu turut menyebabkan penduduk terpaksa berdepan dengan kehadiran ribuan alat serta pembakaran secara terbuka.

Menurutnya, dipercayai ter-

dapat lebih 100 lori keluar masuk ke tapak pembuangan sampah haram terbabit setiap hari.

"Selain dua penempatan kampung terbabit, dua kawasan lagi turut terjejas iaitu di Desa Coalfields dan Bandar Seri Coalfields," katanya pada sidang akhbar selepas melakukan tinjauan di beberapa lokasi sampah haram di kawasan terbabit semalam.

Mohd Shaid berkata, penduduk berhampiran tapak pelupusan terbabit sering mengeluh berikutan kawasan terbabit diancam bau busuk dan kediaman mereka dihurung lalat.

"Kami difahamkan mereka membuang pelbagai sisa sampah domestik, sisa bahan binaan dan makanan di kawasan ini yang menyebabkan bau busuk kepada penduduk berhampiran.

"Sampah itu kemudian dibakar yang menyebabkan pencemaran udara, selain kita juga bimbang sampah yang dibuang



**MOHD SHAID**

ke dalam sungai itu mengandungi sisa toksik yang boleh mencemarkan sungai berhampiran," katanya.

Mohd Shaid berkata, beliau bimbang jika masalah itu tidak ditangani segera, pelbagai masalah lain boleh berlaku di kawasan terbabit.

Katanya, isu pembuangan sampah haram itu telah dimaklumkan ke Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor serta Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) untuk tindakan lanjut malah Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor, Ng Sze Han turut turun padang melakukan lawatan ke kawasan berkenaan.

"Bagaimanapun, kegiatan ini terus berleluasa dan saya ingin bertanya kepada MDKS, sudah berapa kali tindakan kompaun dan sitaan dikeluarkan terhadap lori yang membara sampah haram ini?"



**Keadaan sampah di tapak pembuangan sampah haram di Kampung Sentosa di Kuala Selangor.**

"Saya inginkan penjelasan lanjut daripada Sze Han dan MDKS berhubung isu ini kerana seolah-olah tiada tindakan diambil bagi menanganinya," katanya.

Sementara itu, seorang penduduk Kampung Seri Sentosa, Hairul Razid Mohamad Seri, 36, berkata, penduduk memberitahu rimas dengan isu pembuangan sampah haram terbabit.

Katanya, lebih mengecewakan sampah-sarap yang dibuang

berhampiran kawasan itu hanyut ke rumah penduduk setiap kali banjir melanda kampung terbabit.

"Kami tertekan kerana kediaman bukan sahaja sering dilanda banjir tetapi timbunan sampah-sarap berselerak bertaburan setiap kali banjir surut.

"Kami berharap ada tindakan sewajarnya dilakukan pihak bertanggungjawab bagi menghilangkan keresahan penduduk," katanya.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**24 September 2020**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Tempoh pengosongan PKM DUN Gombak setia dilanjut
Muka Surat	:	24

## Tempoh pengosongan PKM DUN Gombak Setia dilanjut

**GOMBAK** - Tempoh pengosongan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Dewan Undangan Negeri (DUN) Gombak Setia di Taman Berjaya yang sepatutnya berakhir Ahad lalu dilanjutkan sehingga 30 September ini.

Bahagian Perhubungan Awam, Jabatan Korporat Majlis Perbandaran Selayang (MPS) berkata, lanjutan itu bagi

memberikan masa secukupnya kepada pihak Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gombak Setia, Muhammad Hilman Idham melakukan kerja-kerja pengosongan dan pembersihan.

“Tindakan sitaan akan diteruskan selepas tempoh lanjutan itu tamat tanpa sebarang notis atau pemakluman kepada pihak PKM DUN Gombak Setia,” katanya.



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>24 September 2020</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	'Rasul Melayu' tiada di Johor
Muka Surat	:	28

# 'Rasul Melayu' tiada di Johor

Susulan ajaran Haji Kahar Ahmad difatwakan sesat 29 tahun lalu kembali aktif

Oleh ZULHISHAM ISAHAK

## PASIR GUDANG

**J**ohor bebas daripada sebarang ajaran sesat 'Haji Kahar Ahmad' yang mendakwa ketuannya sebagai 'Rasul Melayu'.

Exco Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor, Tosrin Jarvanthi berkata, Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) sentiasa memantau ajaran sesat berkenaan bagi memastikannya tidak bertapak di negeri ini.

"Setakat ini kita dapati tiada pengikut ajaran sesat Rasul Melayu di Johor, namun kita akan sentiasa mengikut perkembangan isu ini menerusi bahagian risikan yang kita ada," katanya kepada pemberita selepas mengiringi Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan isteri, Che Puan Khaleeda Bustamam serta dua anakanda baginda melawat Sekolah Agama Taman Kota Masai di sini semalam.

Turut hadir Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Azmi Rohani; Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor (MA-INJ), Datuk Noh Gadot; Pengarah JAIJ,



Tunku Ismail dan Che Puan Khaleeda diberi penerangan mengenai kaedah mengajar murid istimewa ketika melawat Sekolah Agama Kota Masai, Pasir Gudang semalam.

Datuk Md Rofiki A Shamsudin dan Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay

Isnin lalu, 'Rasul Melayu' itu dilaporkan kembali aktif menyebarkan ajaran yang difatwakan diharamkan pada 1991 dan ditahan bersama-sama 16 pengikutnya oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) di tiga lokasi berbeza di Shah Alam, Selangor malam Ahad lalu.

Selepas sehari ditahan kelmarin, Abdul Kahar Ahmad yang mendakwa dirinya sebagai 'Rasul Melayu' dan menyebarkan ajaran difatwakan sesat pada 1991 dibebaskan dengan bon jaminan mahkamah.

Selain Abdul Kahar, tiga lagi pengikutnya berusia lingkungan 30-an hingga 70 tahun turut dibebaskan manakala 13 lagi pengikut ajaran sesat berkenaan masih ditahan.

Terdahulu, Tunku Ismail bersama-sama isteri meluangkan masa kira-kira 15 minit mendengar taklimat daripada Timbalan Pengarah Pendidikan Agama Johor, Yosree Ikhsan di dewan utama sekolah agama tersebut.

Tunku Ismail kemudian meninjau proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta melihat prosedur operasi standard (SOP) di Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) termasuk hala tuju pendidikan agama di negeri ini.

Beliau juga melihat murid-murid istimewa dari Sekolah Agama Pendidikan Khas Johor Bahru dan Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Princess Elizabeth belajar serta membaca al-Quran menggunakan Braille atau mus-haf dengan bantuan pico sebelum melawat tapak pameran.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>24 September 2020</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	DISCOUNT OFFERS
Muka Surat	:	2

## **DISCOUNT OFFERS**

> Subang Jaya Municipal Council is offering a flat rate of RM10 for all traffic compounds that are paid within 24 hours, taking effect since Sept 14. It does not include tyre clamping, towing, and abandoned vehicles. For details, call 03-8024 7700.

> Taiping Municipal Council is offering 70% discount for traffic compounds until Sept 30. For details, call 05-808 0777 ext 2452/2453.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>24 September 2020</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	MBSA ON WHEELS
Muka Surat	:	2

## **MBSA ON WHEELS**

Shah Alam City Council will place a mobile office at the parking bay of Plaza Shah Alam in Section 9, Shah Alam, this Saturday from 11am to 5pm for the public to pay assessment and parking compounds and to lodge complaints.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>24 September 2020</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	New system for PJ high-rises
Muka Surat	:	2

# New system for PJ high-rises

## City council's portal to streamline administration of strata properties

By **JADE CHAN**  
 jade@thestar.com.my

PETALING Jaya City Council (MBPJ) has launched a new portal called e-COB (Commissioner of Buildings) to streamline the management of matters related to strata properties within its jurisdiction.

The web-based system, expected to go live by the end of next month, will ease the recording, storage and processing of data as well as enhance the COB Unit's role in overseeing the management and maintenance of buildings administered by joint management bodies (JMB) and management corporations (MC).

COB unit director Jayanthi Kuppusamy said as of June 30, there were 1,255 development lots with 163,322 strata components under MBPJ's administration.

These include 247 lots under JMBs and 350 lots under MCs, while the rest are managed by COB-appointed agents or are under the developer.

She said the idea for the portal came about because of common problems faced by JMB/MC, including failure to hold annual general meetings, submit audited annual accounts, committee members holding their positions beyond the stated period, minutes of meeting not in file (either destroyed or missing), handover problems from the previous to new JMB/ MC committee as well as abuse of power.

"With the portal, it would be easier and more efficient to manage strata property issues, particularly in terms of monitoring



(From left) MBPJ councillor Tang Fuie Koh, Sayuthi, Petaling Jaya deputy mayor Azlinda Azman and Jayanthi at the launch of the new portal.

"The portal includes features such as letter formats, how to call for meetings and outlines for meeting agenda," added Jayanthi.

Petaling Jaya mayor Datuk Mohd Sayuthi Bakar, who officially launched the portal, said the system was based on the Strata Management Act 2013 (Act 757) and rules under the Act.

"A JMB/MC can now upload documents and submit scheduled paperwork such as minutes of general and committee meetings, audited annual financial reports, owners' registry and other items as required by the Act.

"All related guidelines and latest information on policies, notices and announcements related to strata matters will be posted on the website," he said, adding that

the portal would also facilitate the COB Unit's role in monitoring the functions and activities of JMBs and MCs.

Sayuthi said the e-COB portal was managed by MBPJ. The user-name and password would be issued by MBPJ to JMBs/ MCs registered with the council.

"The portal is designed for the administration and management of strata management matters, not for lodging complaints.

"There are some confidential documents in the system, so I hope web users won't abuse their access," he said.

One of the biggest challenges the city council faced, he said, was managing people and conflict, particularly disputes related to common properties in strata buildings.

"MBPJ can step in on matters related to the neighbourhood, but certain issues such as breach of trust come under the police," he said.

Sayuthi advised people living in strata buildings to be tolerant and cooperative.

"If you can't live together, your whole neighbourhood could end up suffering, such as when there are insufficient funds to maintain the common property," he said.

A series of seminars will be held in October, before the website goes live, to provide exposure and guidance to JMBs/ MCs on how to use the system.

The portal can be accessed via <https://skep.lphs.gov.my/mbpj>

For details, call MBPJ's COB Unit at 03-7960 1646.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>24 September 2020</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	PREMISES REOPENING
Muka Surat	:	2

## **PREMISES REOPENING**

- > Kuala Langat Municipal Council has reopened the Taman Perwira night market in Telok Panglima Garang, Selangor, since Sept 23. It will operate from 4pm to 10pm.
- > Exhibition area on the ground floor of Istana Kenangan in Kuala Kangsar, Perak, has reopened since Sept 18. It is open daily except Monday, from 10am to 4pm.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>24 September 2020</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Klang folk welcome free bulk waste collection
Muka Surat	:	4



## Klang folk welcome free bulk waste collection

Council's service to be combined with cleanliness campaigns

By EDWARD RAJENDRA  
 edward@bestar.com.my

DISPOSING of illegally dumped bulk waste is costing Klang Municipal Council (MPC) a bomb to clear.

